



MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN RUMAH SARRA, ALEESYA DAN ARORA



Pada 13 Julai 2019 telah berlangsung Majlis Perasmian Rumah Mampu Milik iaitu rumah Sarra, Aleesya dan Arora yang merupakan rumah teres satu tingkat dan rumah teres berkembar satu tingkat. Rumah ini dibina oleh JKP Sdn Bhd yang juga merupakan agensi pelaksana kepada Majlis Pembangunan Ekonomi Bumiputera Pulau Pinang. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri berasaskan Agro Negeri Pulau Pinang, Dr. Afif Bahardin; Adun Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim; Ahli Lembaga Pengarah JKP Sdn. Bhd, Dr. Nirwan Noh; Ketua Pegawai Eksekutif JKP Sdn Bhd, Tuan Haji Ir. Samrulzaman dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Saadon Mokhtar.



Dalam ucapan perasmian, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin menjelaskan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji mekanisme bagi membolehkan pihak bank mengiktiraf pendapatan sampingan golongan berpendapatan rendah (B40) sebagai sokongan memudahkan proses pembelian hartanah. Langkah itu bagi membolehkan mereka yang melakukan pekerjaan sampingan seperti berniaga nasi lemak, menjadi pemandu e-hailing serta peniaga online (atas talian) membuat pelaburan hartanah di masa depan dengan membeli dan menjadi pemilik rumah.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat